

KANUN TANAH NEGARA

PERISYTIHARAN JUALAN  
PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN  
DALAM PERKARA SEKSYEN 263 KANUN TANAH NEGARA 1965  
RUJUKAN FAIL: PTPK/02/A/PPJ/2024/21 (LELONGAN PERTAMA)

Permintaan Oleh,

LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM  
Pemegang Gadaian

Menurut Perintah Jualan atas permintaan Pemegang Gadaian oleh Pentadbir Tanah Manjung yang diperbuat pada 24 Oktober 2024 dengan ini diisytiharkan bahawa Pentadbir Tanah Manjung

AKAN MENJUAL SECARA

# LELONGAN AWAM

PADA HARI RABU BERTARIKH 19/02/2025 JAM 10:00 PAGI  
DI PERKARANGAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH MANJUNG

**NOTA:** Bakal-bakal pembida adalah dinasihatkan agar membuat carian rasmi di Pejabat Tanah dan memeriksa hartanah tersebut sebelum jualan lelong. Bakal-bakal pembida juga digalakkan membuat permohonan atas talian melalui Portal Awam Sistem eTanah di <https://ptg.perak.gov.my/portal/>.

**BUTIR-BUTIR HARTANAH**

Jenis dan Nombor Hakmilik	GM 12904
No. Lot/PT	Lot 44803
Bandar/Pekan/Mukim	Mukim Sitiawan
Keluasan Tanah	424 Meter Persegi
Tempoh Pegangan	Selama-lamanya
Cukai Tanah	RM166
Kategori	Bangunan
Syarat Nyata	Kediaman -Sebuah Rumah Kediaman
Sekatan Kepentingan	Tanah ini boleh dipindahmilik atau dipajak dengankebenaran bertulis oleh Pihak Berkuasa Negeri.(Plot kuota bumiputera)
Kawasan Rizab	Tidak
Bebanan	Digadaikan kepada LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM mengikut No. Psererahan 02SC513/2005. Didaftarkan pada 17 Mac 2005.
Lokasi Tanah	NO. 5 LORONG EMAS 2/1, TAMAN EMAS II KAMPUNG CHINA, 32000 SITIAWAN, PERAK

**HARGA RIZAB : RM 390,000.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Ratus Sembilan Puluh Ribu Sahaja)**

Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

1. Penawar memiliki jumlah wang dalam bentuk bank draf di atas nama **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM** yang bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada jumlah harga Rizab yang ditetapkan iaitu **RM 39,000.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Puluh Sembilan Ribu Sahaja)**
2. Amaun penuh harga jualan boleh dibayar oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh Pentadbir Tanah;
3. Di mana amaun penuh harga jualan yang tidak dibayar oleh penawar yang berjaya selepas tukul dijatuhkan oleh Pentadbir Tanah :-
  - i. maka jumlah wang yang dinyatakan di dalam perenggan (1) akan dilucuthak untuk membayar seluruh wang yang telah genap masa; dan
  - ii. baki deposit seperti tersebut di atas akan dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
4. Baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh (120) hari daripada tarikh jualan, iaitu tidak lewat dari tarikh **19 Jun 2025** dan bahawa tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah dinyatakan;
5. Di mana harga belian sepenuhnya tidak dapat diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (4), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (3) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267 Kanun Tanah Negara 1965.
6. Penawar yang ingin mengambil bahagian dalam lelongan ini hendaklah terlebih dahulu mendaftar dan menyerahkan bank draf sebagai bayaran deposit seperti yang dinyatakan dalam para 1 tiga puluh (30) minit sebelum masa lelongan. Mana-mana penawar yang gagal mendaftar dan menyerahkan bank draf tidak layak mengambil bahagian dalam lelongan ini.



Bertarikh pada 28 Oktober, 2024

**Pentadbir Tanah  
Daerah Manjung  
Negeri Perak Darul Ridzuan**